



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1995

PERUNTUKAN BEKALAN PAKAIAN SERAGAM

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan kepada bilangan pakaian seragam yang boleh dibekalkan kepada kakitangan pejabat.

LATAR BELAKANG

2. [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990](#) bertarikh 14 Ogos 1990, telah menetapkan anggota yang bertugas di dalam pejabat seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 (b) Pekeliling tersebut dibekalkan dengan 2 pasang pakaian seragam.

BILANGAN PAKAIAN SERAGAM

3. Kerajaan kini telah memutuskan bahawa bilangan pakaian seragam yang dinyatakan di perenggan tersebut ditambah daripada 2 pasang kepada **3 pasang**.
4. Walau bagaimanapun lain-lain peraturan mengenai pembekalan pakaian seragam sepertimana yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan tersebut masih dikekalkan dan tidak berubah.
5. **Pindaan**

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, bilangan pakaian seragam **di perenggan 3.2 (b)** dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1990](#) bertarikh 14 Ogos 1990 adalah dipinda.

6. Tarikh Kuatkuasa

Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.



(DATUK WIRA HJ. MOHD. ZAM BIN ABDUL WAHAB)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia

Tarikh: 7 November 1995.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan